

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan

1.

Islam merupakan agama yang mementingkan kedamaian dan keamanan.
Walaupun bagaimanapun, Islam tidak pernah terlepas daripada masalah peperangan

(a) Senaraikan dua peperangan yang disertai oleh Nabi Muhammad s.a.w.

(i)

(ii)

(2 markah)

(b) Nyatakan tujuan peperangan menurut ajaran Islam.

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

(c) Andaikan anda pemimpin yang telah menandatangani satu perjanjian dengan pihak negara lain.

Mengapakah anda perlu mematuhi perjanjian yang telah anda tandatangani?

.....
.....
.....
.....
.....

(4 markah)

2. Peta di bawah menunjukkan jalan perdagangan para pedagang serta mata wang yang digunakan di Kepulauan Melayu.



a) Apakah ciri-ciri Islam yang diterapkan dalam sistem mata wang di Tanah Melayu?

- (i)
- (ii)

[2 markah]

b) Pada zaman globalisasi ini, urusan jual beli masih berlangsung tanpa mata wang. Bagaimanakah keadaan ini berlaku?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Bagaimanakah nilai-nilai Islam boleh diterapkan dalam aktiviti perdagangan di negara kita?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Filipina merupakan negara yang pernah dijajah oleh Sepanyol dan Amerika Syarikat.

3. a) Siapakah tokoh pejuang nasionalisme di Filipina ?

(i)

(ii)

[2 markah]

b) Huraikan Sistem Birokrasi Barat yang dijalankan oleh Sepanyol di Filipina .

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Sistem Birokrasi Barat di Filipina menyebabkan rakyat ditindas.

Berikan ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4. Gambar di bawah menunjukkan jata negara Malaysia yang menjadi lambang kemegahan penduduk di negara ini.



(a) Nyatakan nama **dua** buah negeri yang dikaitkan dengan lima bilah keris pada jata negara

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan maksud berikut sebagaimana yang terdapat pada jata negara:

(i) Bintang berpecah empat belas

.....

[1 markah]

(ii) Bulat sabit berwarna kuning

.....

[1 markah]

(c) Mengapakah jata negara penting kepada rakyat dan negara Malaysia.

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan cogan kata, 'Bersekutu Bertambah Mutu' untuk memajukan negara?

.....

.....

.....

[3 markah]


AHAGIAN B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja

5. Pada sekitar tahun 3500 S.M., Tamadun Mesir Purba berkembang menjadi pusat tamadun awal dunia.
- (a) Apakah keistimewaan masyarakat Mesir Purba yang menyumbang kepada kemunculan Mesir sebagai pusat tamadun awal dunia
[8 markah]
- (b) Huraikan sumbangan tamadun Mesir Purba kepada masyarakat dunia yang kekal hingga hari ini.
[6markah]
- (c) Kerajaan Mesir Purba amat mengiktiraf kedudukan wanita sebagai pemimpin. Bagaimana pengiktirafan terhadap wanita dapat dilakukan di negara kita?
[6markah]

6.



Peta menunjukkan empayar kerajaan Srivijaya yang terkenal sebagai sebuah pelabuhan bercorak entrepot.

- (a) Apakah faktor yang boleh kita contohi dari kerajaan Srivijaya dalam memajukan kegiatan maritimnya?
[6markah]
- (b) Apakah iktibar yang boleh kita perolehi dari kerajaan maritim tersebut untuk memajukan kerajaannya?
[8markah]

KUALA LUMPUR 27 Jun - Malaysia berada pada kedudukan ke-16 pada 'Senarai Ekonomi Yang Dijangka Berkembang Pesat' bagi tempoh 2013 hingga 2015, dengan peningkatan tiga kedudukan, demikian menurut Laporan Pelaburan Dunia 2013 yang diumumkan oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD).

Kedudukan itu berasaskan peratusan dari responden yang memilih sesuatu ekonomi sebagai 'ekonomi terbaik.' Artikel Penuh:

http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20130628/ek_01/Kedudukan-Malaysia-meningkat#ixzz3SIVIUWda

© Utusan Melayu (M) Bhd

(c) Bagaimanakah perdagangan antarabangsa di negara kita boleh dipertingkatkan?

[6 markah]

7 Jadual 1 berkaitan dengan pembentukan empayar Kerajaan Abbasiyah.

Fasa Pertama	Pemerintahan oleh khalifah (749-847M.)
Fasa Kedua	Pemerintahan oleh kerajaan kecil (847-1194)
Fasa Ketiga	Pemerintahan oleh Khalifah (1194-1258)

(a) Berdasarkan jadual tersebut, terangkan latar belakang pembentukan kerajaan

Bani Abbasiyah

[6 markah]

(b) Kerajaan Bani Abbasiyah memberi sumbangan yang besar dalam aspek keilmuan kepada tamadun dunia.

Berikan penjelasan anda.

[6 markah]

(c) Ciri-ciri kepimpinan kerajaan Islam yang terdahulu boleh dicontohi untuk memajukan negara pada masa kini.

Berikan ulasan anda.

[8 markah]

8. Sistem pendidikan vernakular yang diperkenalkan pada zaman penjajahan British banyak memberi kesan kepada masyarakat tempatan.
- (a) Jelaskan maksud sistem pendidikan vernakular. [4 markah]
- (b) Mengapakah sistem pendidikan vernakular diwujudkan di negara kita pada zaman penjajahan British. [8 markah]
- (c) Selepas merdeka kerajaan berusaha untuk menangani kesan sistem pendidikan vernakular.
- Berjayakah kerajaan menangani kesan tersebut?
Berikan hujah anda. [8 markah]

9. Pernyataan berikut berkaitan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Kerajaan Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- (a) Jelaskan sebab yang mempengaruhi pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [8 markah]
- (b) Apakah tuntutan orang Melayu terhadap British dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948. [5 markah]
- (c) Terangkan perubahan pentadbiran setelah British memperkenalkan Persekutuan Tanah Melayu 1948 di Tanah Melayu. [7 markah]
10. Rancangan Malaya Kedua yang dilaksanakan dari tahun 1961 hingga 1965 merupakan kesinambungan kepada Rancangan Malaya Pertama.
- (a) Jelaskan peranan agensi berikut bagi menjayakan Rancangan Malaya Kedua :
- (i) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) . [2 markah]
- (ii) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) [2markah]

- (b) Pembangunan ekonomi yang seimbang antara bandar dan luar bandar penting bagi sesebuah negara.

Berikan penjelasan anda.

[8markah]

- (c) Apakah peranan generasi muda dalam usaha membangunkan negara?

[8markah]

11. Penggubalan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor yang menentukan corak dan dasar luar negara.

- a) Huraikan bagaimana faktor ekonomi mempengaruhi asas penggubalan dasar luar Malaysia. [4 markah]

- b) Terangkan perubahan perkembangan dasar luar Malaysia pada tahap kedua.

[4 markah]

- c) i) Sebagai rakyat Malaysia adakah anda bersetuju Malaysia menjalinkan

hubungan luar dengan negara lain tanpa mengira ideologi negara terbabit .

[6 markah]

- ii) Wajarkah negara lain mencampuri hal ehwal pentadbiran negara kita?

[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

